



مَجْلِسِ إِسْلَامِ وَأَدَاتِ مَلَيْعِ تَرِنْجَانُ

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

KENYATAAN MEDIA

KEBENARAN AKTIVITI IBADAT DI MASJID DAN SURAU DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) COVID-19 DI NEGERI TERENGGANU

Menjunjung titah perintah dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiq Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya selaku Ketua Agama Islam Negeri Terengganu berhubung kebenaran aktiviti keagamaan di masjid dan surau dalam tempoh perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Covid-19 di Negeri Terengganu ekoran penularan wabak yang belum tamat sepenuhnya.

Setelah mengambil kira dan mempertimbangkan pandangan-pandangan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu yang telah bersidang Kali Ke-4/2020 pada 19 Ramadan 1441H bersamaan 12 Mei 2020, maka Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dengan ini mengambil keputusan berkaitan kebenaran aktiviti keagamaan di masjid dan surau dalam tempoh perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Covid-19 di Negeri Terengganu seperti berikut :

Bersetuju membenarkan untuk diadakan solat Jumaat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula dari 22 Mei 2020 dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Keputusan ini mengambil kira keperluan mendirikan Syiar Islam (إقامة الشعارات) di kalangan masyarakat ketika penularan wabak Covid-19 yang sudah menjangkau hampir dua bulan. Keputusan ini berdasarkan kepada kaedah Feqh:

إذا ضاق الأمر اتسع

Maksudnya: Sesuatu perkara apabila sempit hukumnya luas

درء المفاسد مقدماً على جنب المصالح

Maksudnya: Meninggalkan kerosakan lebih diutamakan daripada mencari kemaslahatan.

الميسور لا يسقط بالمعسر

Maksudnya: Perkara yang mudah tidak gugur dengan sebab adanya kesukaran.

Syarat-syarat yang ditetapkan adalah sebagaimana berikut:

1. Hanya satu (1) masjid untuk satu (1) daerah sahaja dibenarkan.
2. Bilangan ahli jemaah yang akan melaksanakan solat Jumaat hendaklah tidak melebihi empat puluh (40) orang.
3. Pegawai Agama Daerah bertanggungjawab dalam mengenalpasti jemaah yang akan menghadiri solat Jumaat. Catatan butiran diri ahli jemaah perlu dicatat dengan teliti.
4. Setiap yang diizinkan hadir hendaklah membuat pemeriksaan suhu badan, sanitasi tangan dan merekodkan kehadiran di dalam buku kehadiran.
5. Individu yang berumur 60 tahun dan ke atas tidak dibenarkan hadir.
6. Mereka yang mempunyai gejala seperti demam, sesak nafas, sakit tekak dan selsema adalah tidak dibenarkan hadir. Begitu juga mereka yang mempunyai sejarah kesihatan lain seperti kencing manis, darah tinggi, lelah, penyakit barah dan sebagainya juga tidak dibenarkan hadir.
7. Melaksanakan penjarakan sosial termasuk semasa solat sekurang-kurangnya satu (1) meter.
8. Individu yang hadir wajib memakai penutup mulut dan hidung (face-mask) termasuk ketika menunaikan solat.
9. Mestilah berwuduk terlebih dahulu sebelum hadir ke masjid dan membawa sejadaht sendiri.
10. Tiada kontak fizikal dibenarkan seperti berjabat tangan di masjid sama ada sebelum atau selepas solat.
11. Setelah selesai solat semua yang hadir hendaklah terus beredar meninggalkan kawasan masjid.
12. Khutbah hendaklah ditumpukan kepada rukun sahaja dengan mengambil kira tidak lebih daripada tujuh (7) minit untuk kedua-dua khutbah.
13. Sembahyang-sebahyang sunat adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh berada di dalam masjid kecuali solat sunat Tahiyatul Masjid.
14. Memastikan aliran pengudaraan di dalam ruang solat dengan membuka semua jendela dan menggunakan kipas angin sahaja. Penghawa dingin tidak dibenarkan.

15. Dipertanggungjawabkan kepada semua pegawai agama daerah untuk memastikan semua syarat di atas dipatuhi. Masjid yang tidak mampu untuk memenuhi kesemua syarat-syarat dalam panduan di atas adalah tidak dibenarkan untuk melaksanakan solat Jumaat berkenaan.

Sembahyang fardu lima (5) waktu secara berjemaah di masjid dibenarkan tiga (3) orang sahaja terdiri daripada ahli jawatankuasa masjid dan pegawai masjid secara bergilir-gilir dengan mematuhi syarat-syarat berkaitan yang ditetapkan sebagaimana di atas.

Solat Sunat Aidilfitri tidak dibenarkan di masjid dan surau sama sekali.

Keputusan yang dibuat adalah bersandarkan kepada Kitab al Majmu' Syarh al Muhazzab Lil Syirazi dan Kitab al Qawa'id al Fiqhiyyah, Ali Ahmad al Nadwi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan berharap supaya semua rakyat jelata dapat terus bersabar dan memperbanyakkan berdoa kehadrat Allah S.W.T lebih-lebih lagi di hari-hari terakhir Ramadan supaya Allah SWT mengangkat wabak Covid-19 ini dari kita semua. Baginda berdoa agar semua rakyat jelata berada dalam perlindungan dan rahmat Allah S.W.T.

Menjunjung titah,



DATO' HAJI OSMAN BIN MUDA

YANG DIPERTUA

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

15 MEI 2020M BERSAMAAN 22 RAMADAN 1441H